

22 JAN 1997

Yong-Balak

JAWATANKUASA SIASAT PENYELUDUPAN BALAK

KOTA KINABALU, 22 Jan (Bernama) -- Kabinet negeri Sabah telah menubuhkan jawatankuasa penyiasat peringkat tinggi bagi menyiasat sebarang elemen jenayah atau pengabaian tugas yang membawa kepada penyeludupan kayu balak dari Tawau pada Sabtu lepas.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini berkata jawatankuasa itu, yang dipengerusikan oleh timbalannya Datuk Ghapur Salleh, akan mengadakan mesyuaratnya yang pertama esok dan dijangka menyiapkan laporannya Isnin depan.

"Kami akan menghantar laporan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebaik saja ia siap," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kerajaan negeri di bangunan Dewan Undangan Negeri dekat sini.

Pada pukul 10.30 pagi, 18 Jan lepas, pegawai Jabatan Perhutanan Negeri menahan sebuah kapal kargo MV Able Helsman yang didaftar di Pelabuhan Klang, yang membawa kayu balak berhampiran Pulau Sebatik di Tawau.

Semalam Anwar yang melawat Tawau mengarahkan kerajaan negeri menubuhkan pasukan penyiasat peringkat tinggi untuk menyiasat kegiatan penyeludupan balak di Sabah.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri Datuk Pandikar Amin Mulia, Peguam Besar Negeri Datuk Stephen Foo, Setiausaha Hasil Bumi Datuk William Shim, dan wakil-wakil daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Jabatan Perhutanan, Polis dan Kastam.

"Tiga perkara yang perlu dilihat oleh jawatankuasa ini ialah mencari fakta, menyiasat sebarang elemen jenayah atau pengabaian tugas dan untuk mencadangkan langkah bagi memperketatkan kawalan," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan negeri telah melaporkan perkara itu kepada Badan Pencegah Rasuah), Yong berkata kerajaan negeri akan menjalankan siasatannya sendiri.

Menurut beliau, berdasarkan permintaan pemilik kapal kargo itu pada 20 Jan lepas, MV Able Helsman telah dibenarkan ke Pelabuhan Tawau untuk mendapatkan bekalan air.

"Kami mempunyai pegawai yang mengawasi kapal itu dan tidak mungkin mereka boleh lepas dengan muatan kayu balak yang banyak," katanya.

Beberapa dokumen telah dirampas daripada kapal kargo itu untuk diperiksa kesahihannya.

Yong berkata 3,049 batang kayu ditahan kerana dipercayai mungkin ditebang secara haram, atau cubaan untuk mengelak royalti atau dicuri daripada pembalak yang berlesen.

"Dari mana datangnya kayu balak itu masih belum ditentukan tetapi kayu yang telah diperiksa tidak mempunyai tanda tukul atau royalti, jadi semuanya dianggap sebagai was-was, dan itulah asas penahanan kayu-kayu itu," katanya.

Yong juga berkata semalam Jabatan Perhutanan telah mengesahkan terdapat 892 batang atau 7,021 juta meter padu kayu dan 88 batang atau 51 juta meter padu lagi kayu yang dianggap tidak dikehendaki.

Daripada jumlah itu, 281 batang telah dimuatkan ke dalam kapal kargo itu manakala 611 batang lagi belum diisi, katanya.

Yong berkata terdapat juga dua kumpulan atau balak yang dibuat rakit berhampiran Pulau Sebatik Island di Wallace Bay -- setiap rakit mengandungi 1,095 batang atau 6,599 juta meter padu dan 1,062 batang (1,755 juta meter

padu) -- menjadikan jumlah keseluruhan kayu balak yang ditahan 3,049
batang atau 15,376 juta meter padu. --BERNAMA
KG SN MAI